



**SURAT PEMBERITAHUAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN: 10/ 2021**

Yang Mulia
Setiausaha-Setiausaha Tetap
Ketua-Ketua Jabatan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Sila Rujuk Pembahagian)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**PERMOHONAN TAMBAHAN ATAU PENGURANGAN JAWATAN DAN
PENSTRUKTURAN SEMULA ORGANISASI KEMENTERIAN DAN JABATAN**

**- PENYEDIAAN KERTAS KERJA DENGAN MENGGUNAKAN
GARIS PANDUAN-GARIS PANDUAN URUSETIA JTG -**

Dengan penuh hormat dan takzim, sukacita memaklumkan bahawa pada menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui warkah bilangan: HHPO 116/1971/LXXXXVII bertarikh 14 Januari 2021, setiap Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya hendaklah menghadapi terlebih dahulu **semua permohonan penambahan atau pengurangan jawatan termasuk secara *trade-off*, dan juga penstrukturan semula organisasi Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya** ke Urusetia Jawatankuasa Tanggagaji dan Syarat-Syarat Perkhidmatan (JTG) di Jabatan Perkhidmatan Awam dengan menghadapi bersama Kertas Kerja sebagaimana lazimnya yang diperlukan oleh JTG bagi penelitan dan pertimbangan selanjutnya, sebelum permohonan-permohonan tersebut dipertimbangkan.

2 Antara tujuan **proses ini adalah dengan tujuan untuk memastikan pengauditan sumber tenaga manusia (*manpower auditing*) dapat dilaksanakan bagi mendokong core business dan penggunaan sumber tenaga kerja secara optima.**



-2-

3 Garis panduan-garis panduan berkenaan adalah bagi memenuhi keperluan agensi-agensi Kerajaan yang memerlukan tambahan perjawatan/jawatan dalam organisasi sediaada bagi membantu perkembangan dalam peningkatan perkhidmatan dan produktiviti semasa.

4 Pihak Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bolehlah memuatnaik pautan Kod QR di bawah ini.

a. UATM KK:07/21: Garis Panduan Tatacara Permohonan Tambahan Perjawatan/Jawatan di luar Anggaran Peruntukan Kewangan Tahunan: Pembangunan Organisasi;

- Garis panduan ini digunakan jika cadangan tambahan perjawatan/jawatan yang dihadapkan oleh Kementerian atau Jabatan meliputi (a) penyusunan semula; (b) pengukuhan perjawatan; (c) pengisian perjawatan; (d) penstrukturan jumlah jawatan (yang diperlukan); dan (e) penubuhan agensi atau organisasi atau bahagian baru dalam Kementerian atau Jabatan.

- Pautan I



M

-3-

b. UATM KK:08/21: Garis Panduan Tatacara Permohonan Tukar Ganti atau Trade-Off Perjawatan/Jawatan dalam Anggaran Peruntukan Kewangan Tahunan: Pembangunan Organisasi;

- Garis panduan ini digunakan jika cadangan tambahan perjawatan/jawatan yang dihadapkan oleh Kementerian atau Jabatan meliputi (a) penyusunan semula; (b) pengukuhan perjawatan; (c) pengisian perjawatan; (d) penstrukturan jumlah jawatan (yang diperlukan); dan (e) pemindahan peruntukan perjawatan dalam Kementerian berkaitan sahaja.

- Pautan Kod QR



5 Sebarang permohonan bagi perkara-perkara tersebut di atas, pihak Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya disarankan untuk menggunakan format seperti garis panduan-garis panduan yang telah disediakan oleh pihak Urusetia JTG bagi memudahkan pemeriksaan, penelitian dan penganalisaan Urusetia JTG sebelum ianya dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Tanggagaji dan Syarat-Syarat Perkhidmatan (JTG).

-4-

6 Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenainya pihak Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap atau Ketua-Ketua Jabatan bolehlah menghubungi:

**Urusetia Jawatankuasa Tanggagaji dan Syarat-Syarat Perkhidmatan
Bahagian Penyelidikan dan Perancangan
Jabatan Perkhidmatan Awam
Jabatan Perdana Menteri**

**Simpang 156, Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan BA1311
Emel: audit.bpp@psd.gov.bn Telefon: +673 223 4943 (122)**

7 Surat Pemberitahuan ini dikuatkuasakan penggunaannya mulai hari Khamis, 14 Januari 2021.

Sekian disampaikan untuk makluman dan perhatian mengenainya.

*“Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi, Pemangkin Pembangunan Negara”
“Hutan adalah Warisan Negara”*

والله ولي التوفيق



(DR NORFARIZAL BIN OTHMAN)

Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Selaku Setiausaha Jawatankuasa Tanggagaji dan Syarat-Syarat Perkhidmatan (JTG)

Jabatan Perkhidmatan Awam
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 15 Sya'aban 1442 bersamaan 29 Mac 2021
Rujukan: JPA/R/JTG/PTO